salam@uitm
www.uitm.edu.my
edisi 2016
Bil. 01 Jul-Dis 2016

# Selamat Ulang Tahun UiTM ke 60

MELONJAK UITM DI PERSADA GLOBAL

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## Majlis Kemuncak Sambutan Ulang Tahun ke-60 UiTM

## Sambutan Ambang Kemerdekaan UiTM

## Istiadat Konvokesyen UiTM ke-85

## UiTM Iktiraf APEL

## Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa



*Majlis Perasmian Penutup*

# Mahrajan Semarak Hijrah 2016 & Pelancaran Wakaf UiTM

Pada 11 Oktober 2016 yang lalu, Majlis Perasmian Penutup Mahrajan Semarak Hijrah 2016 dan Pelancaran Wakaf UiTM telah diadakan di Dewan Muktamar 1, Masjid UiTM Shah Alam. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said.

Majlis anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) ini turut menyaksikan penyampaian tiga Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah peringkat UiTM, iaitu Anugerah Tokoh Al-Farabi, Tokoh Umar Abdul Aziz dan Tokoh Al-Fateh.

Anugerah Tokoh Al-Farabi dianugerahkan kepada Prof. Ir Dr Hj Abdul Rahman Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Manakala Tuan Haji Abdul Halim Mohd, Penolong Jurutera Kanan Pejabat Pengurusan Fasiliti UiTM diiktiraf sebagai Tokoh Umar Abdul Aziz dan Saudara Mohd Aiman Adam, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat yang juga Naib Yang di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar UiTM terdahulu bagi sesi 2015/2016 telah menerima Anugerah Tokoh Muhammad Al-fateh.





SOARING UPWARDS

*Konsep & Reka Bentuk:*
**Bahagian Canseleri & Komunikasi Korporat Universiti Teknologi MARA**

www.uitm.edu.my

**UiTM Rasmi:** www.facebook.com/uitmrasmi
**Lensa Korporat:** www.facebook.com/darilensakorporat